

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini projek kereta nasional ketiga dan peruntukan yang dibelanjakan untuk projek ini sejak 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Kereta Nasional Ketiga merupakan satu inisiatif untuk membangunkan kenderaan nasional baharu dengan memberi fokus kepada penjanaan keseluruhan ekosistem automotif terutamanya dalam membangunkan teknologi terbaharu secara tempatan seperti powertrain dan lightweight materials mengambil kira perkembangan dinamik teknologi termaju dan pilihan pengguna dalam aspek mobiliti. Idea Kereta Nasional Ketiga ini menyasarkan pembuatan kenderaan yang turut menggalakkan penyertaan serta pembangunan vendor tempatan secara meluas dalam membangunkan bahagian serta komponen automotif.

Pada masa ini, projek Kereta Nasional Ketiga sedang dibangunkan oleh Syarikat DreamEDGE Sdn. Bhd., sebuah syarikat perkhidmatan kejuruteraan (engineering services) yang menyediakan perkhidmatan berimpak tinggi kepada pelbagai industri seperti automotif, rel, elektronik, tenaga, pertahanan, precision equipment dan reka bentuk tooling. Syarikat ini telah membangunkan keupayaan di dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) secara tempatan dan mempunyai pusat teknologi seperti Additive Manufacturing and Prototyping Centre, Innovation and Technology Centre dan Digital Engineering Design Centre.

Sehingga kini, status projek nasional ketiga ini adalah dalam proses pembangunan konsep 'R&D and Engineering' yang merangkumi 'scale model development', 'engineering development & mass production', 'production prototype development' dan 'product testing, certification and homologation'. Semua pembangunan ini adalah dipacu sepenuhnya oleh inisiatif pihak syarikat dan tidak melibatkan peruntukan Kerajaan.

Kerajaan hanya akan bertindak sebagai pemudahcara dengan memberikan sokongan yang berbentuk latihan dan pembangunan bina upaya. Antara sokongan yang ditawarkan termasuklah penyertaan dalam program-program pembangunan vendor automotif tempatan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pembekal kereta tempatan ke tahap yang lebih kompetitif dan memenuhi keperluan pembangunan kereta nasional ketiga ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes yang diurus oleh Hospital Taiping dan peratusan kapasiti hospital untuk tahun 2016 hingga kini.

JAWAPAN

Hospital Taiping merupakan salah sebuah Hospital Pakar Major di negeri Perak dengan kapasiti 608 buah katil dan jumlah kemasukan Pesakit Dalam dan Pesakit Luar ke Hospital Taiping adalah seperti berikut:

Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan-Sept)
Kemasukan	45,272	45,987	48,524	48,316	44,950	35,754
Daftar Keluar	45,300	45,947	48,566	48,316	44,999	35,527
Kadar Penggunaan Katil (BOR%)	73.29	68.66	77.80	74.45	70.34	57.91

Jumlah Kemasukan Pesakit Luar

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan-Ogos)
Klinik Pakar	171,993	181,326	192,865	203,685	298,039	117,981
Jabatan Kecemasan dan Trauma	101,849	103,519	113,915	110,322	71,318	42,386

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status dan pencapaian pembangunan kampung baru kawasan Parlimen Taiping untuk setiap tahun 2016 hingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 21 projek dengan kos sebanyak RM1.67 juta dari tahun 2016 sehingga tahun 2021 bagi empat (4) buah Kampung Baru di Parlimen Taiping seperti berikut:

- (a) Kampung Baru Aulong;
- (b) Kampung Baru Kamunting;
- (c) Kampung Baru Pokok Assam; dan
- (d) Kampung Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 12 projek jalan, 7 projek bina longkang, 1 projek baiki pasar dan 1 projek baiki gelanggang telah siap dilaksanakan di kampung-kampung tersebut sejak tahun 2016 sehingga kini.

Sekian, terima kasih.